

25 MAY 2003

Langsung-Syarikat

SYARIKAT JUALAN LANGSUNG DIGALAK TEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA

KUALA SELANGOR, 25 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat jualan langsung negara digalakkan menceburi pasaran antarabangsa selain meningkatkan penglibatan dalam pasaran domestik berikutan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Wong Kam Hoong berkata strategi baru itu didapati berkesan terutama dalam memperkenalkan produk tempatan ke luar negara khususnya produk makanan, ubatan herba dan tradisional.

"Ia dikenal pasti sebagai industri yang aktif dan memberi sumbangan besar terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) selain mempunyai potensi yang tinggi.

"Dalam pakej ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) baru-baru ini, kementerian bertindak mengecualikan cukai terhadap nilai peningkatan pendapatan yang dieksport syarikat terbabit sebanyak 20 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penerangan Jualan Langsung, Skim Cepat Kaya dan Perancangan Kewangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor di sini hari ini.

Beliau berkata kementerian juga mengenal pasti 50 buah syarikat jualan langsung tempatan yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa di Indonesia, Thailand, Myanmar, India, Singapura, Filipina malah ke Asia Barat dan Amerika.

Katanya kerajaan juga menyediakan pelbagai insentif dalam bentuk rebat cukai kepada syarikat yang berjaya memasarkan produk ke luar negara dan menurutnya bagaimanapun ianya perlu dipohon menerusi kementerian.

Satu syarat baru yang dikenakan baru-baru ini ialah syarikat jualan langsung produk tempatan yang mahu memasarkan produk ke luar negara perlu mendapat kelulusan kementerian, katanya.

Beliau berkata syarikat yang memasarkan barangan import pula perlu menjadikan Malaysia sebagai pusat pengedaran serta mempunyai kapasiti untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara.

Wong berkata mengikut perangkaan yang dikeluarkan Gabungan Persatuan Jualan Langsung Sedunia, Malaysia menduduki tempat ke-12 dari 49 buah negara dan menduduki tangga keempat di rantau Asia Pasifik pada 2002.

Katanya, jualan langsung dilihat satu-satunya industri yang tidak terjejas sewaktu kegawatan ekonomi pada 1997 dan 1998 menerusi nilai jualan tahunan yang semakin meningkat dari RM3.26 bilion pada 1997 kepada RM4.5 bilion pada 2000.

Bagi tahun 2001 pula nilai jualannya sedikit merosot disebabkan kelembapan ekonomi kepada RM3 bilion tetapi meningkat semula pada 2002 kepada RM3.5 bilion, kata Wong.

-- BERNAMA

SHS RHM